



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN BUKIT BARU,
PETI SURAT No. 62,
75150 BUKIT BARU,
MELAKA

HEM/Dadah : 06-2325630
Fax : 06-2312326
Sukan : 06-2328276
Fax : 06-2312845
Kokurikulum : 06-2324804
Fax : 06-2312848
Pendidikan Islam : 06-2327197
Fax : 06-2332949

Ruj. Kami : JPM.SPPK.HEM.100-1/2/1Jld.3()
Tarikh : 30 Disember 2011

Pengetua / Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Melaka.

Tuan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2011**

**PENGGUNAAN BUKU TEKS BAGI PELAKSANAAN DASAR MEMARTABKAN BAHASA
MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI) TAHUN 2012**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12 Tahun 2011: Pelaksanaan Dasar Memartabkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)** bertarikh 4 November 2011, telah menjelaskan tentang pelaksanaan dasar ini secara berperingkat-peringkat. Dalam proses peralihan dasar MBMMBI, pihak sekolah boleh menggunakan Bahasa Inggeris dan/atau bahasa pengantar masing-masing dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik. Pelaksanaan sedemikian bertujuan membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan perubahan dasar berkenaan.

3. Sehubungan itu, pihak sekolah **boleh memilih** untuk menggunakan buku teks dalam Bahasa Inggeris dan/atau bahasa pengantar masing-masing dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik.

... 4. Untuk makluman tuan, perincian **Panduan Penggunaan Buku Teks** bagi pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik di bawah dasar MBMMBI adalah seperti di lampiran. Panduan tersebut juga adalah selaras dengan **Surat Siaran Kementerian Pealajaran Malaysia Bilangan 5 Tahun 2011: Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Memartabkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)** bertarikh 14 November 2011.

5. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut sila hubungi **Pn. Hjh. Noraini bt. Abd Rahman, Penyelia SPBT, Unit Hal Ehwal Murid, JPN Melaka** di talian **06-2326936/019-7550409**.

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MOHAMAD SAPIAN BIN SIRAN)

Ketua Sektor,
Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan,
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka.

- s.k. :
1. Pengarah Pelajaran Negeri Melaka
 2. Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah / Jasin / Alor Gajah
 3. Fail Penyelaras

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini bila berhubung)

**PANDUAN PENGGUNAAN BUKU TEKS BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
SAINS DAN MATEMATIK DI BAWAH DASAR MBMMBI TAHUN 2012**

1. **SEKOLAH KEBANGSAAN (SK)**
 - i. Tahun 1 dan Tahun 2 menggunakan buku teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam bahasa Malaysia sepenuhnya.
 - ii. Tahun 4 menggunakan buku teks Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dalam bahasa Malaysia (terjemahan) atau menggunakan buku teks KBSR dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.
 - iii. Tahun 3, Tahun 5 dan Tahun 6 menggunakan buku teks KBSR dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.

2. **SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC)**
 - i. Tahun 1 dan Tahun 2 menggunakan buku teks KSSR dalam bahasa Cina sepenuhnya.
 - ii. Tahun 4 menggunakan buku teks KBSR dalam bahasa Cina atau buku teks KBSR dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.
 - iii. Tahun 3, Tahun 5 dan Tahun 6 menggunakan buku teks KBSR dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.

3. **SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)**
 - i. Tahun 1 dan Tahun 2 menggunakan buku teks KSSR dalam bahasa Tamil sepenuhnya
 - ii. Tahun 4 menggunakan buku teks KBSR dalam bahasa Tamil (terjemahan) atau buku teks KBSR dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.
 - iii. Tahun 3, Tahun 5 dan Tahun 6 menggunakan buku teks KBSR dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.

4. **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK)**
 - i. Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 menggunakan buku teks terbitan baharu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam bahasa Malaysia atau buku teks KBSM dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.
 - ii. Tingkatan 2, Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 menggunakan buku teks KBSM dalam bahasa Inggeris yang sedia ada.